

Malaysia sedia bantu negara2 Indo—China pulih ekonomi

U.M. 27 SEP 1991
Daripada
Khalid Mohd.

NEW YORK 26 Sept - Malaysia sedia memainkan peranan utama membantu Vietnam dan negara-negara Indo—China yang lain untuk memulihkan ekonomi mereka dengan matlamat mewujudkan Asia Tenggara yang stabil dan makmur.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, dari sudut ekonomi, Indo—China yang makmur bererti satu lagi pasaran baru bagi Malaysia.

Dari sudut politik pula, katanya, Indo—China yang makmur dengan ekonomi terbuka akan lambat-laun membawa mereka ke alam demokrasi.

Beliau menegaskan demikian dalam sesi soaljawab dengan

MALAYSIA SEDIA BANTU NEGARA2 INDO-CHINA PULIH EKONOMI

U.M. 27 SEP 1991

negara-negara Asia Tenggara, Malaysia berada dalam kedudukan paling baik untuk memainkan peranan ini hasil dasar dan sikapnya yang betul sepanjang pergolakan di Indo—China khususnya Vietnam.

Menurutnya, buat masa ini Vietnam masih tersisih dengan ekonomi yang dirancarkan oleh pusat. Bagaimanapun orang-

orang Vietnam sudah mula keluar dan melihat sendiri apa yang sedang mengambil tempat di luar negara mereka dan mereka telah pergi ke Malaysia untuk mendapatkan pertolongan.

Beliau memberitahu, Malaysia telahpun menghulurkan bantuan kepada Vietnam di bawah rancangan membantu negara-negara Dunia Ketiga seperti me-

latih rakyatnya dalam urusan bank.

Malaysia juga sedang mengkaji kemungkinan melabur dalam pengeluaran petroleum dan gas di Vietnam dan di sinilah nanti Malaysia akan memerlukan kepakaran Amerika.

"Kami bersedia berganding bahu dengan negara-negara lain untuk membantu memulihkan ekonomi Vietnam," katanya.

Sementara itu, dalam satu lagi sesi soaljawab di sebelah tengah hari dengan Persatuan Asia di sini, Dr. Mahathir menegaskan, Asia Tenggara sudah tidak lagi memerlukan kehadiran tentera asing.

"Keperluan untuk tentera Amerika hadir di rantau kami seperti di Subic Bay, Filipina sudah tidak ada lagi.

"Zaman meletakkan bala tentera di sana-sini sudah berlalu," tegas beliau.

Beliau juga menyebut tentang kehadiran tentera Vietnam di Kampuchea selama 10 tahun yang sia-sia tidak membawa sebarang faedah dan makna kepada sesiapaupun.

China juga sudah tidak berminat lagi untuk 'mengembara' kerana ia juga sibuk membangun negaranya, ujar beliau.

"Kecenderungan dunia hari ini ialah menghindarkan dari menakluki orang lain. Sudah tidak ada peranan lagi bagi bala tentera asing di tempat orang," ujarnya.

Dr. Mahathir menambah, Amerika Syarikat hendaklah melupakan sahaja soal meletakkan bala tentera di sana-sini dan sebaliknya mengikut jejak Jepun dengan melancarkan serangan dan penaklukan melalui ekonomi.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir berkata, Malaysia merasakan bahawa Amerika Syarikat masih tidak memainkan peranan yang sepatutnya dengan Malaysia.

"Jika kami mendapat lebih banyak pelaburan dari sini, mungkin kami tidak perlu terlalu bergantung pada Jepun," tegasnya.

tokoh-tokoh pemiagaan Amerika Syarikat di sini, pagi ini. Sesi ini dianjurkan oleh Kumpulan Perunding Sektor Swasta Malaysia-Amerika.

Sebelum sesi soaljawab, Dato' Sri Dr. Mahathir membuat kenyataan ringkas di mana beliau memberikan scenario semasa di Malaysia yang mencakupi soal-soal ekonomi, politik dan sosial.

Dalam membantu Vietnam pulih semula, kata Perdana Menteri, Malaysia pada satu peringkat nanti akan memerlukan kepakaran Amerika dan di sinilah sektor swasta Amerika boleh sama-sama memainkan peranan menolong Vietnam memandangkan mereka sukar berbuat demikian secara langsung.

Beliau menegaskan, di antara

LIHAT MUKA 2